

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

2 sat minggu
**SAOW sempena
Fiesta Bikers
Selangor 2016**

SHAH ALAM - Pejabat Bergerak Shah Alam On Wheel (SAOW) akan beroperasi di perkarangan Stadium Shah Alam, Seksyen 13 sempena Fiesta Bikers Selangor 2016 pada Sabtu dan Ahad ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, perkhidmatan SAOW ini platform yang disediakan pihak majlis untuk memudahkan orang ramai berurusan pada hari cuti hujung minggu tanpa perlu hadir ke kaunter.

"Pejabat ini akan menyediakan kemudahan perkhidmatan seperti semakan dan pembayaran cukai taksiran, semakan dan pembayaran kompaun tempat letak kereta, kaunter aduan, jualan kupon parkir dan sebagainya yang bermula dari jam 9 pagi hingga jam 3 petang.

"Melalui perkhidmatan ini, pihak majlis berharap dapat memantapkan lagi sistem perkhidmatan MBSA untuk manfaat masyarakat," katanya.